





RASUAH

Suruhanjaya Pencegahan
Rasuah Malaysia (SPRM)

Latar Belakang SPRM




MEKANISME 'CHECK AND BALANCE'



Fungsi SPRM



Prinsip pengasingan kuasa



Kenali
RASUAH








Rasuah

Penerimaan atau pemberian **suapan** (rasuah) bertujuan supaya seseorang itu melakukan/tidak melakukan sesuatu perbuatan yang berkaitan dengan tugas rasminya.

Di **MALAYSIA**,
rasuah juga dikenali
dengan
nama-nama
berikut:



BENTUK RASUAH



4

Kesalahan utama rasuah

1. Meminta/Menerima rasuah
2. Menawar/Memberi rasuah
3. Membuat tuntutan palsu
4. Menggunakan kedudukan/
jawatan untuk suapan

1

Meminta/ Menerima Rasuah



Mana-mana orang **meminta/menerima** suapan (rasuah) sebagai balasan untuk melakukan atau tidak melakukan sesuatu perkara.



Timbalan Pengarah Perbadanan Putrajaya rasuah

- Menerima **tiket kapal terbang pergi balik** dari Kuala Lumpur ke London bernilai RM3,022
- Daripada seorang kontraktor.
- Sebagai dorongan memberikan projek penyelenggaraan Taman Putra Perdana, Putrajaya bernilai RM 3,521,894.48 kepada kontraktor berkenaan.
- Pada 28 Mac 2012, beliau dijatuhkan hukuman penjara 2 tahun dan denda RM15,110.

2

Menawar/ Memberi Rasuah



Mana-mana orang **menawar/ memberi** rasuah kepada seorang ejen/pegawai awam sebagai balasan untuk melakukan sesuatu perkara berkaitan tugas rasmi pegawai awam tersebut.

Kontraktor beri rasuah dipenjara 3 bulan

IPOH 19 Ogos - Seorang kontraktor binaan dihukum penjara tiga bulan dan denda RM15,000 (atau penjara lima bulan) kerana rasuah.

Beliau didakwa **memberi rasuah RM3,000** kepada penguatkuasa Pejabat Tanah dan Galian Ipoh agar tidak mengambil tindakan ke atas syarikat miliknya yang **mengeluarkan bahan batu tanpa permit**.



3

Tuntutan Palsu



Mana-mana orang menggunakan/ mengemukakan **dokumen tuntutan yang mempunyai butiran palsu** dengan niat untuk memperdayakan pejabatnya.

CONTOH KESALAHAN

Contoh 1:

Tuntutan bayaran penuh,
padahal barang tidak cukup
bilangan atau tidak ikut
spesifikasi.

Contoh 2:

Menuntut bayaran bagi barang
yang belum lagi dihantar.





SIAPA TERLIBAT?



Dekan dihukum penjara

- Dekan universiti memperakukan pembekalan peralatan Multi Joint 2 AP berharga RM138,600.
- Padahal, peralatan sebenar yang dihantar adalah Multi Hip yang hanya berharga RM27,965.
- Dihukum penjara setahun dan didenda RM10,000.

Tuntutan palsu: Kontraktor, Juruteknik JKR dipenjara

Seorang kontraktor didakwa di Mahkamah Sesyen Butterworth kerana menuntut bayaran **pembinaan pagar** sepanjang **405 meter** bernilai RM11,323.80 sedangkan ukuran sebenarnya adalah **162.2 meter**.

Kedua-duanya didapati bersalah. Masing-masing dihukum penjara empat tahun dan denda RM144,709.65.




4

Salah guna kedudukan oleh penjawat awam



Pegawai badan awam menggunakan kedudukannya dalam membuat keputusan atau mengambil apa-apa tindakan berhubung dengan sesuatu perkara di mana dia, saudara atau sekutunya mempunyai kepentingan.

CONTOH KESALAHAN



Contoh 1:

Ketua jabatan meluluskan projek kepada syarikat anaknya.

Contoh 2:

Pengarah projek terlibat membuat keputusan pemilihan tender kepada syarikat yang dimiliki oleh adiknya.



Mantan Ketua Menteri Sabah

- Menggunakan kuasa mutlaknya.
- Meluluskan projek pembangunan bernilai hampir RM1.5 juta.
- Kepada syarikat yang dimiliki oleh **dua adik iparnya**.
- Beliau didapati bersalah dan didenda.

Mantan EXCO Negeri Sembilan

- Terlibat dalam mesyuarat EXCO
- Mesyuarat meluluskan projek kuari kepada syarikat Teraju Nusantara.
- **Isterinya** merupakan salah seorang pengarah syarikat tersebut.
 - Dipenjara 2 tahun.



Siapa terlibat?



Mantan EXCO Negeri Melaka

- Terlibat dalam mesyuarat EXCO
- Membuat keputusan
- Meluluskan permohonan tanah kepada syarikat **proxi beliau**.
- Dipenjara 2 tahun.

RASUAH: JIKA BERSALAH...



PENJARA tidak lebih 20 tahun; **DAN**

DENDA 5 kali ganda nilai suapan, atau RM10,000, mana yang lebih tinggi.



Hasil rasuah **DISITA & DILUCUT HAK**



HADIAH

boleh menjadi

RASUAH



Hadiah menjadi **rasuah** apabila...?

- Pemberi dan penerima hadiah mempunyai hubungan rasmi
- Pemberian hadiah akan mempengaruhi keputusan yang akan dibuat oleh si penerima
- Nilai hadiah tidak setimpal dengan maksud hadiah diberi

Pegawai kerajaan

DILARANG menerima hadiah
daripada orang atau kontraktor
yang mempunyai urusan rasmi
dengan mereka.

Seksyen 165 Kanun Keseksaan

Pegawai awam menerima barang bernilai tanpa balasan setimpal daripada pihak yang mempunyai urusan rasmi dengannya.

Hukuman

Penjara 2 tahun atau denda atau kedua-duanya sekali.

**Kesalahan
menerima
hadiah
oleh
pegawai
awam**



Mantan Menteri Besar Selangor

- Mendapatkan untuk dirinya dan isterinya.
- 2 lot tanah dan sebuah rumah di Shah Alam.
- Harga **RM3.5 juta**.
- Adalah **diskaun melampau**.
- Hartanah tersebut dibeli oleh penjual pada tahun 2004 dengan harga **RM6.5 juta**.
- MB dan pengarah syarikat (penjual rumah) mempunyai hubungan rasmi.
- MB didapati bersalah. Dihukum 12 bulan penjara.
- Tanah & banglo dilucut hak.

HADIAH YANG DIBENARKAN:

- Hadiah daripada orang yang tiada kaitan dengan tugas rasmi.
- Hadiah yang diterima mesti kurang dari $\frac{1}{4}$ emolumen atau RM500.00.
- Berbentuk lencana, pen, plaque, cenderamata.
- Barang-barang mudah rosak seperti sayur, buah-buahan.

HADIAH MELEBIHI RM500 BOLEH DITERIMA

SEKIRANYA.....

- Sempena persaraan, pertukaran, pertunangan atau perkahwinan
- Hadiah daripada suami/isteri, ibu/bapa (mertua) adik beradik
- Hadiah dari saudara sempena harijadi, perkahwinan dsb.

Ketua Jabatan yang dikemukakan pengisytiharan tentang penerimaan hadiah boleh membuat keputusan berikut:

1. membenarkan pegawai menerima hadiah itu.
2. Mengarahkan hadiah itu dikembalikan kepada si pemberi
3. Hadiah itu disimpan oleh jabatan

Semua hadiah yang diterima wajib diisytiharkan kepada ketua jabatan.

Pekeliling Perkhidmatan Bil 3 Tahun 1998 (PP3/1998)

***Transaksi
hasil
Rasuah***

**Jenayah
pengubahan
wang haram**




PENGUBAHAN WANG HARAM....

Sebarang transaksi pembelian atau pelaburan dengan menggunakan hasil rasuah merupakan bentuk pengubahan wang haram dan satu jenayah di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Pegganas dan Hasil daripada Aktiviti Haram (AMLATFPUA) 2001.

Hukuman: Denda tidak melebihi RM5 juta atau penjara tidak melebihi 5 tahun atau kedua-dua.

ILUSTRASI



Siapa terlibat?



TERTUDUH

Merupakan Setiausaha Sulit Kanan kepada seorang Menteri.

Menggunakan kedudukannya untuk menerima komisen (melalui proksi) daripada kontraktor-kontraktor yang memohon projek di bawah Kementerian Kewangan Malaysia (MOF).



BENTUK RASUAH

- 1% - Apabila **surat kelulusan** MOF dikeluarkan.
- 2% - Apabila **surat niat** dikeluarkan.
- 2% - Apabila kontraktor menerima **surat tawaran** MOF.



BAGAIMANA RASUAH DILAKUKAN?

SIASATAN

Menemui wang tunai RM2,134,656

PERTUDUHAN

28 pertuduhan di bawah AMLATFPUA 2001

LUCUT HAK

Rumah banglo dan rumah kedai (RM4.6 juta)

Laporkan RASUAH

**Kegagalan melapor adalah
kesalahan jenayah**

- Seksyen 25 ASPRM 2009 -

Melaporkan Rasuah: **Apa yang penting?**

- Tarikh, masa dan tempat kejadian;
- Identiti pemberi, penerima dan orang tengah (jika ada);
- Apa yang berlaku dan siapa yang terlibat dalam kejadian;
- Saksi-saksi yang mengetahui atau melihat kejadian; dan
- Dokumen-dokumen yang berkaitan.





Bagaimana Melapor Jenayah Rasuah?

- ❖ Datang sendiri ke mana-mana pejabat SPRM
- ❖ Menghubungi pejabat SPRM
 - Talian Bebas Tol : 1-800-88-6000*
 - Talian Biasa : 03-8886 7000*
 - SMS : 019-6000 696*
 - Faks : 03-8888 9562*
- ❖ Mengirim e-mel kepada **info@sprm.gov.my**
- ❖ Layari Portal SPRM – **Sistem Pengurusan Aduan (CMS)**
- ❖ Mengirim surat ke **Peti Surat 6000** (tanpa setem)
- ❖ Menghubungi mana-mana pegawai SPRM

Pemberi Maqlumat
Saksi &

AKAN DILINDUNGI



Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010



Kerahsiaan
identiti Pemberi
Maklumat itu
sendiri



kebal daripada
tindakan sivil,
jenayah, atau
tatatertib akibat
daripada pendedahan



Perlindungan
terhadap tindakan
yang memudaratkan
– apabila Pemberi
Maklumat diambil
tindakan

NOTA: Dengan syarat pemberi maklumat bersedia dikenali oleh pegawai SPRM.

Akta Perlindungan Saksi 2009

Menyediakan
tempat
tinggal untuk
peserta itu



Memohon
mewujudkan
identiti baru

Memberikan
pembayaran
sara hidup



Apa-apa
tindakan lain
yang sesuai

Bentuk perlindungan melalui Program
Perlindungan Saksi

MUHASABAH

**SEKERAS MANA PUN PERATURAN,
SISTEM DAN PERUNDANGAN
DIKUATKUASAKAN
SEKERAP MANA KAMI MENGINGATKAN
APA PUN IANYA TERLETAK PADA
NILAI DAN HATI BUDI
SESEORANG ITU**



SEKIAN, TERIMA KASIH